



3 Jun 2026
3 June 2026
P.U. (A) 209

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN KREDIT PENGGUNA (FI) 2026

CONSUMER CREDIT (FEES) REGULATIONS 2026

DISIARKAN OLEH
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KREDIT PENGGUNA 2025

PERATURAN-PERATURAN KREDIT PENGGUNA (FI) 2026

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 122(2)(f) dan 122(6)(a) Akta Kredit Pengguna 2025 [Akta 873], Menteri, atas syor Suruhanjaya, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kredit Pengguna (Fi) 2026**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 5 Jun 2026.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan konteksnya menghendaki makna yang lain—

“hasil” ertinya amaun wang yang dijana daripada perniagaan kredit atau perniagaan perkhidmatan kredit yang dijalankan oleh suatu pemberi kredit berlesen atau pemberi perkhidmatan kredit berdaftar, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang merupakan sebahagian atau keseluruhan daripada jumlah pendapatan yang diiktiraf dalam penyata kewangan yang disediakan mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia di bawah Akta Laporan Kewangan 1997 [Akta 558];

“kumpulan perbadanan” ertinya suatu kumpulan perbadanan yang berkaitan antara satu sama lain jika—

(a) perbadanan itu ialah syarikat pemegang suatu perbadanan yang lain;

(b) perbadanan itu ialah subsidiari suatu perbadanan yang lain; atau

(c) perbadanan itu ialah subsidiari syarikat pemegangan suatu perbadanan yang lain;

“pemberi kredit berlesen” ertinya suatu pemberi kredit yang diberikan lesen oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 42 Akta;

“pemberi perkhidmatan kredit berdaftar” ertinya suatu pemberi perkhidmatan kredit yang pendaftarannya dibuat oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 59 Akta;

“pemohon” ertinya seseorang yang—

(a) mengemukakan suatu permohonan bagi lesen di bawah seksyen 41 Akta; atau

(b) membuat permohonan bagi pendaftaran di bawah seksyen 58 Akta.

Fi yang kena dibayar kepada Suruhanjaya

3. Amaun fi yang kena dibayar kepada Suruhanjaya dan cara pembayaran fi itu berkenaan dengan—

(a) suatu pemohon, adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 1;

(b) suatu pemberi kredit berlesen dan pemberi perkhidmatan kredit berdaftar bagi suatu lesen atau pendaftaran bagi tahun permulaan dan tahun yang kemudiannya, adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 2;

(c) suatu pemberi kredit berlesen dan pemberi perkhidmatan kredit berdaftar bagi suatu permohonan kepada Suruhanjaya, adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 3 yang berhubungan dengan—

- (i) lanjutan masa untuk memenuhi suatu kehendak dalam standard atau garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya di bawah Akta; atau
 - (ii) pengubahan terhadap pemakaian suatu kehendak dalam standard atau garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya di bawah Akta; atau
- (d) suatu pemberi kredit berlesen atau pemberi perkhidmatan kredit berdaftar di bawah suatu kumpulan perbadanan bagi suatu lesen atau pendaftaran bagi tahun permulaan dan tahun yang kemudiannya, adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 4 jika sekurang-kurangnya terdapat dua pemberi kredit berlesen atau pemberi perkhidmatan kredit berdaftar yang menjalankan perniagaan kredit atau perniagaan perkhidmatan kredit yang sama dalam kumpulan perbadanan yang sama dan—
- (i) pemberi kredit berlesen atau pemberi perkhidmatan kredit berdaftar tersebut dimiliki sepenuhnya oleh sebuah syarikat pemegangan dalam kumpulan perbadanan yang sama; atau
 - (ii) satu daripada pemberi kredit berlesen atau pemberi perkhidmatan kredit berdaftar itu memiliki sepenuhnya pemberi kredit berlesen atau pemberi perkhidmatan kredit berdaftar yang lain dalam kumpulan perbadanan yang sama.

Fi pembayaran lewat

4. Bagi maksud subseksyen 53(2) dan subseksyen 70(2) Akta, jika suatu pemberi kredit berlesen atau pemberi perkhidmatan kredit berdaftar yang dikawal selia oleh Suruhanjaya tidak membayar fi yang ditetapkan pada tarikh fi itu perlu dibayar di bawah peraturan 3, pemberi kredit berlesen atau pemberi perkhidmatan kredit berdaftar itu hendaklah membayar suatu fi pembayaran lewat berjumlah lima ratus ringgit sebulan

bagi setiap bulan pembayaran itu lewat, tanpa mengira bilangan hari atau tempoh tertunggak dalam bulan itu.

JADUAL 1
[Perenggan 3(a)]

Fi yang kena dibayar oleh suatu pemohon untuk mendapatkan lesen atau pendaftaran

(1) Bil.	(2) Perkara	(3) Fi	(4) Cara Pembayaran
1.	Permohonan bagi suatu lesen di bawah seksyen 41 Akta untuk menjalankan suatu jenis perniagaan kredit sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 1 Jadual 4 Akta	RM2,000	Fi pemprosesan hendaklah dibayar semasa penyerahan suatu permohonan bagi lesen atau pendaftaran kepada Suruhanjaya
2.	Permohonan bagi suatu pendaftaran di bawah seksyen 58 Akta untuk menjalankan suatu jenis perniagaan perkhidmatan kredit sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 3 Jadual 4 Akta		

JADUAL 2
[Perenggan 3(b)]

Fi yang kena dibayar bagi tahun permulaan dan tahun yang kemudiannya bagi
pelesenan dan pendaftaran

(1) Bil.	(2) Perkara	(3) Fi	(4) Cara Pembayaran
1.	Fi pelesenan bagi tahun permulaan untuk menjalankan suatu jenis perniagaan kredit sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 1 Jadual 4 Akta	<p>(a) RM8,000 bagi suatu kelulusan permohonan lesen antara 1 Januari dan 30 Jun bagi tahun permulaan itu; atau</p> <p>(b) RM4,000 bagi suatu permohonan lesen yang diluluskan antara 1 Julai dan 31 Disember bagi tahun permulaan itu</p>	Fi pelesenan bagi tahun permulaan hendaklah dibayar dalam tempoh 30 hari dari tarikh kelulusan suatu permohonan bagi suatu lesen
2.	Fi pendaftaran bagi tahun permulaan untuk menjalankan suatu jenis perniagaan perkhidmatan kredit sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 3 Jadual 4 Akta	<p>(a) RM5,000 bagi suatu kelulusan permohonan pendaftaran antara 1 Januari dan 30 Jun bagi tahun permulaan itu; atau</p> <p>(b) RM2,500 bagi suatu kelulusan permohonan pendaftaran antara 1 Julai dan 31 Disember bagi tahun permulaan itu</p>	Fi pendaftaran bagi tahun permulaan hendaklah dibayar dalam tempoh 30 hari dari tarikh kelulusan suatu permohonan bagi suatu pendaftaran

(1) Bil.	(2) Perkara	(3) Fi		(4) Cara Pembayaran
3.	Fi pelesenan tahunan bagi tahun yang kemudiannya mengikut julat hasil yang dinyatakan dalam lajur fi tahunan untuk menjalankan setiap jenis perniagaan kredit sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 1 Jadual 4 Akta	Julat Hasil	Fi Tahunan (RM)	Fi pelesenan tahunan hendaklah dibayar selewat-lewatnya pada hari terakhir bulan Februari setiap tahun
<u>Kategori 1</u> Kurang daripada RM3,000,000	8,000	<u>Kategori 2</u> Daripada RM3,000,000 tetapi tidak melebihi RM15,000,000	20,000	
<u>Kategori 3</u> Daripada RM15,000,000 tetapi tidak melebihi RM50,000,000	40,000	<u>Kategori 4</u> Bersamaan dengan atau melebihi RM50,000,000	100,000	

(1) Bil.	(2) Perkara	(3) Fi		(4) Cara Pembayaran
4.	Fi pendaftaran tahunan bagi tahun yang kemudiannya mengikut julat hasil yang dinyatakan dalam lajur fi tahunan untuk menjalankan setiap jenis perniagaan perkhidmatan kredit sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 3 Jadual 4 Akta	Julat Hasil	Fi Tahunan (RM)	Fi pendaftaran tahunan hendaklah dibayar selewat-lewatnya pada hari terakhir bulan Februari setiap tahun
<u>Kategori 1</u> Kurang daripada RM3,000,000	5,000	<u>Kategori 2</u> Daripada RM3,000,000 tetapi tidak melebihi RM15,000,000	12,000	
<u>Kategori 3</u> Daripada RM15,000,000 tetapi tidak melebihi RM50,000,000	25,000	<u>Kategori 4</u> Bersamaan dengan atau melebihi RM50,000,000	50,000	

JADUAL 3
[Perenggan 3(c)]

Fi yang kena dibayar oleh suatu pemberi kredit berlesen dan pemberi perkhidmatan kredit berdaftar untuk permohonan bagi suatu lanjutan masa atau suatu perubahan kehendak

(1) Bil.	(2) Perkara	(3) Fi	(4) Cara Pembayaran
1.	Permohonan bagi suatu lanjutan masa untuk memenuhi suatu kehendak dalam standard atau garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya di bawah Akta	RM500	Fi pemprosesan hendaklah dibayar semasa penyerahan suatu permohonan kepada Suruhanjaya
2.	Permohonan bagi suatu perubahan terhadap pemakaian suatu kehendak dalam standard atau garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya di bawah Akta	RM800	

JADUAL 4
[Perenggan 3(d)]

Fi yang kena dibayar oleh suatu pemberi kredit berlesen atau pemberi perkhidmatan kredit berdaftar, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi dirinya dan bagi pihak pemberi kredit berlesen atau pemberi perkhidmatan kredit berdaftar lain di dalam suatu kumpulan perbadanan yang sama

(1) Bil.	(2) Perkara	(3) Fi	(4) Cara Pembayaran
1.	Fi pelesenan bagi tahun permulaan untuk menjalankan suatu jenis perniagaan kredit sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 1 Jadual 4 Akta	<p>(a) RM8,000 bagi sekurang-kurangnya dua perniagaan kredit yang sama yang permohonan lesennya diluluskan antara 1 Januari dan 30 Jun bagi tahun permulaan itu; atau</p> <p>(b) RM4,000 bagi sekurang-kurangnya dua perniagaan kredit yang sama yang permohonan lesennya diluluskan antara 1 Julai dan 31 Disember bagi tahun permulaan itu</p>	Fi pelesenan bagi tahun permulaan hendaklah dibayar dalam tempoh 30 hari dari tarikh kelulusan suatu permohonan bagi suatu lesen
2.	Fi pendaftaran bagi tahun permulaan untuk menjalankan suatu jenis perniagaan perkhidmatan kredit sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 3 Jadual 4 Akta	(a) RM5,000 bagi sekurang-kurangnya dua perniagaan perkhidmatan kredit yang sama yang permohonannya diluluskan antara 1 Januari dan 30 Jun bagi tahun permulaan itu; atau	Fi pendaftaran bagi tahun permulaan hendaklah dibayar dalam tempoh 30 hari dari tarikh kelulusan suatu permohonan bagi suatu pendaftaran

(1) Bil.	(2) Perkara	(3) Fi	(4) Cara Pembayaran										
		<i>(b)</i> RM2,500 bagi sekurang-kurangnya dua perniagaan perkhidmatan kredit yang sama yang permohonan pendaftarannya diluluskan antara 1 Julai dan 31 Disember bagi tahun permulaan itu											
3.	Fi pelesenan tahunan bagi tahun yang kemudiannya mengikut julat hasil yang dinyatakan dalam lajur fi tahunan untuk menjalankan setiap jenis perniagaan kredit sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 1 Jadual 4 Akta	<table border="1"> <thead> <tr> <th data-bbox="624 837 879 965">Julat Hasil</th> <th data-bbox="879 837 1075 965">Fi Tahunan (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="624 965 879 1149"><u>Kategori 1</u> Kurang daripada RM3,000,000</td> <td data-bbox="879 965 1075 1149">8,000</td> </tr> <tr> <td data-bbox="624 1149 879 1417"><u>Kategori 2</u> Daripada RM3,000,000 tetapi tidak melebihi RM15,000,000</td> <td data-bbox="879 1149 1075 1417">20,000</td> </tr> <tr> <td data-bbox="624 1417 879 1686"><u>Kategori 3</u> Daripada RM15,000,000 tetapi tidak melebihi RM50,000,000</td> <td data-bbox="879 1417 1075 1686">40,000</td> </tr> <tr> <td data-bbox="624 1686 879 1910"><u>Kategori 4</u> Bersamaan dengan atau melebihi RM50,000,000</td> <td data-bbox="879 1686 1075 1910">100,000</td> </tr> </tbody> </table>	Julat Hasil	Fi Tahunan (RM)	<u>Kategori 1</u> Kurang daripada RM3,000,000	8,000	<u>Kategori 2</u> Daripada RM3,000,000 tetapi tidak melebihi RM15,000,000	20,000	<u>Kategori 3</u> Daripada RM15,000,000 tetapi tidak melebihi RM50,000,000	40,000	<u>Kategori 4</u> Bersamaan dengan atau melebihi RM50,000,000	100,000	<p>Fi pelesenan tahunan hendaklah dibayar selewat-lewatnya pada hari terakhir bulan Februari setiap tahun</p> <p>Dalam keadaan sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 3(d) Peraturan-Peraturan ini, hasil daripada perniagaan kredit yang sama itu hendaklah digabungkan, dan fi pelesenan tahunan perlu dibayar berdasarkan julat hasil yang terpakai bagi jumlah gabungan hasil</p>
Julat Hasil	Fi Tahunan (RM)												
<u>Kategori 1</u> Kurang daripada RM3,000,000	8,000												
<u>Kategori 2</u> Daripada RM3,000,000 tetapi tidak melebihi RM15,000,000	20,000												
<u>Kategori 3</u> Daripada RM15,000,000 tetapi tidak melebihi RM50,000,000	40,000												
<u>Kategori 4</u> Bersamaan dengan atau melebihi RM50,000,000	100,000												

(1) Bil.	(2) Perkara	(3) Fi		(4) Cara Pembayaran
4.	Fi pendaftaran tahunan bagi tahun yang kemudiannya mengikut julat hasil yang dinyatakan dalam lajur fi tahunan untuk menjalankan setiap jenis perniagaan perkhidmatan kredit sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 3 Jadual 4 Akta	Julat Hasil	Fi Tahunan (RM)	Fi pendaftaran tahunan hendaklah dibayar selewat-lewatnya pada hari terakhir bulan Februari setiap tahun Dalam keadaan sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 3(d) Peraturan-Peraturan ini, hasil daripada perniagaan perkhidmatan kredit yang sama itu hendaklah digabungkan, dan fi pendaftaran tahunan perlu dibayar berdasarkan julat hasil yang terpakai bagi jumlah gabungan hasil
<u>Kategori 1</u> Kurang daripada RM3,000,000	5,000	<u>Kategori 2</u> Daripada RM3,000,000 tetapi tidak melebihi RM15,000,000	12,000	
<u>Kategori 3</u> Daripada RM15,000,000 tetapi tidak melebihi RM50,000,000	25,000	<u>Kategori 4</u> Bersamaan dengan atau melebihi RM50,000,000	50,000	

Dibuat 29 Mei 2026

[MOF.SID(R)700-1/7/15 JLD.2 (3); PN(PU2)778]

DATUK SERI AMIR HAMZAH BIN AZIZAN
Menteri Kewangan II

CONSUMER CREDIT ACT 2025

CONSUMER CREDIT (FEES) REGULATIONS 2026

IN exercise of the powers conferred by paragraphs 122(2)(f) and 122(6)(a) of the Consumer Credit Act 2025 [Act 873], the Minister, upon the recommendation of the Commission, makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Consumer Credit (Fees) Regulations 2026**.

(2) These Regulations come into operation on 5 June 2026.

Interpretation

2. In these Regulations, unless the context otherwise requires—

“revenue” means the amount of money generated from the credit business or credit service business carried on by a licensed credit provider or registered credit service provider, as the case may be, which forms part or whole of the total income recognised in the financial statements prepared in accordance with the accounting standards approved by the Malaysian Accounting Standards Board under the Financial Reporting Act 1997 [Act 558];

“corporate group” means a group of corporations that are related to one another in that—

(a) a corporation is a holding company of another corporation;

(b) a corporation is a subsidiary of another corporation; or

(c) a corporation is a subsidiary of the holding company of another corporation.

“licensed credit provider” means a credit provider who has been granted a licence by the Commission under section 42 of the Act;

“registered credit service provider” means a credit service provider whose registration has been made by the Commission under section 59 of the Act;

“applicant” means a person who—

(a) submits an application for a licence under section 41 of the Act; or

(b) made an application for registration under section 58 of the Act.

Fees payable to Commission

3. The amount of fees payable to the Commission and the manner of payment of such fees in respect of—

(a) an applicant, are as set out in Schedule 1;

(b) a licensed credit provider and registered credit service provider for a licence or registration for the inaugural year and subsequent years, are as set out in Schedule 2;

(c) a licensed credit provider and registered credit service provider for an application to the Commission, are as set out in Schedule 3 relating to—

(i) an extension of time to meet a requirement in the standards or guidelines issued by the Commission under the Act; or

(ii) a variation to the applicability of a requirement in the standards or guidelines issued by the Commission under the Act; or

- (d) a licensed credit provider and registered credit service provider under a corporate group for a licence or registration for the inaugural year and subsequent years, are as set out in Schedule 4 where there are at least two licensed credit providers or registered credit service providers carrying on the same credit business or credit service business in the same corporate group and—
- (i) the licensed credit providers or registered credit service providers are wholly owned by a holding company within the same corporate group; or
 - (ii) one of the licensed credit providers or registered credit service providers wholly owns another licensed credit provider or registered credit service provider within the same corporate group.

Late payment fee

4. For the purposes of subsections 53(2) and 70(2) of the Act, where a licensed credit provider or registered credit service provider regulated by the Commission fails to pay the prescribed fee by the date on which such fee is due under regulation 3, such licensed credit provider or registered credit service provider shall pay a late payment fee of five hundred ringgit per month for every month that the payment is late, regardless of the number of days or duration overdue in the month.

SCHEDULE 1

[Paragraph 3(a)]

Fees payable by an applicant for a licence or registration

(1) No.	(2) Matter	(3) Fee	(4) Manner of Payment
1.	Application for a licence under section 41 of the Act to carry on a type of credit business as set out in paragraph 1 of Schedule 4 of the Act	RM2,000	Processing fee shall be paid upon submission of an application for a licence or registration to the Commission
2.	Application for registration under section 58 of the Act to carry on a type of credit service business as set out in paragraph 3 of Schedule 4 of the Act		

SCHEDULE 2
[Paragraph 3(b)]

Fees payable for the inaugural year and subsequent years for licensing and registration

(1) No.	(2) Matter	(3) Fee	(4) Manner of Payment
1.	Licensing fee for the inaugural year to carry on a type of credit business as set out in paragraph 1 of Schedule 4 of the Act	<p>(a) RM8,000 for an approval of a licence application between 1 January and 30 June for the inaugural year; or</p> <p>(b) RM4,000 for an approval of a licence application between 1 July and 31 December for the inaugural year</p>	Licensing fee for the inaugural year shall be paid within 30 days from the approval date of an application for a licence.
2.	Registration fee for the inaugural year to carry on a type of credit service business as set out in paragraph 3 of Schedule 4 of the Act	<p>(a) RM5,000 for an approval of a registration between 1 January and 30 June for the inaugural year; or</p> <p>(b) RM2,500 for an approval of a registration between 1 July and 31 December for the inaugural year</p>	Registration fee for the inaugural year shall be paid within 30 days from the approval date of an application for registration.

(1) No.	(2) Matter	(3) Fee		(4) Manner of Payment
3.	Annual licensing fee for the subsequent years according to the revenue band stated in the annual fee column to carry on each type of credit business as set out in paragraph 1 of Schedule 4 of the Act	Revenue Band	Annual Fee (RM)	Annual licensing fee shall be paid latest by the last day of February of each year
	<u>Tier 1</u> Less than RM3,000,000	8,000		
	<u>Tier 2</u> From RM3,000,000 but not exceeding RM15,000,000	20,000		
	<u>Tier 3</u> From RM15,000,000 but not exceeding RM50,000,000	40,000		
	<u>Tier 4</u> Equal to or exceeding RM50,000,000	100,000		
4.	Annual registration fee for the subsequent years according to the revenue band stated in the annual fee column to carry on each type of credit service business as set out in paragraph 3 of Schedule 4 of the Act	Revenue Band	Annual Fee (RM)	Annual registration fee shall be paid latest by the last day of February of each year
	<u>Tier 1</u> Less than RM3,000,000	5,000		
	<u>Tier 2</u> From RM3,000,000 but not exceeding RM15,000,000	12,000		
	<u>Tier 3</u> From RM15,000,000 but not exceeding RM50,000,000	25,000		

(1) No.	(2) Matter	(3) Fee		(4) Manner of Payment
		<u>Tier 4</u> Equal to or exceeding RM50,000,000	50,000	

SCHEDULE 3
[Paragraph 3(c)]

Fees payable by a licensed credit provider and a registered credit service provider for
an application for extension of time or variation of requirement

(1) No.	(2) Matter	(3) Fee	(4) Manner of Payment
1.	Application for an extension of time to meet a requirement in the standards or guidelines issued by the Commission under the Act	RM500	Processing fee shall be paid upon submission of an application to the Commission
2.	Application for a variation to the applicability of a requirement in the standards or guidelines issued by the Commission under the Act	RM800	

SCHEDULE 4
[Paragraph 3(d)]

Fees payable by a licensed credit provider or registered credit service provider, as the case may be, for themselves and on behalf of other licensed credit providers or registered credit service providers within the same corporate group

(1) No.	(2) Matter	(3) Fee	(4) Manner of Payment
1.	Licensing fee for the inaugural year to carry on a type of credit business as set out in paragraph 1 of Schedule 4 of the Act	<p>(a) RM8,000 for at least two of the same credit business whose application for licence was approved between 1 January and 30 June for the inaugural year; or</p> <p>(b) RM4,000 for at least two of the same credit business whose application for licence was approved between 1 July and 31 December for the inaugural year</p>	Licensing fee for the inaugural year shall be paid within 30 days from the approval of an application for a licence
2.	Registration fee for the inaugural year to carry on a type of credit service business as set out in paragraph 3 of Schedule 4 of the Act	<p>(a) RM5,000 for at least two of the same credit service business whose application for registration was approved between 1 January and 30 June for the inaugural year; or</p> <p>(b) RM2,500 for at least two of the same credit service business whose application</p>	Registration fee for the inaugural year shall be paid within 30 days from the approval of an application for registration

(1) No.	(2) Matter	(3) Fee	(4) Manner of Payment										
		for registration was approved between 1 July and 31 December for the inaugural year											
3.	Annual licensing fee for the subsequent years according to the revenue band stated in the annual fee column to carry on each type of credit business as set out in paragraph 1 of Schedule 4 of the Act	<table border="1"> <thead> <tr> <th data-bbox="657 613 916 719">Revenue Band</th> <th data-bbox="916 613 1082 719">Annual Fee (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="657 719 916 837"><u>Tier 1</u> Less than RM3,000,000</td> <td data-bbox="916 719 1082 837">8,000</td> </tr> <tr> <td data-bbox="657 837 916 1066"><u>Tier 2</u> From RM3,000,000 but not exceeding RM15,000,000</td> <td data-bbox="916 837 1082 1066">20,000</td> </tr> <tr> <td data-bbox="657 1066 916 1294"><u>Tier 3</u> From RM15,000,000 but not exceeding RM50,000,000</td> <td data-bbox="916 1066 1082 1294">40,000</td> </tr> <tr> <td data-bbox="657 1294 916 1444"><u>Tier 4</u> Equal to or exceeding RM50,000,000</td> <td data-bbox="916 1294 1082 1444">100,000</td> </tr> </tbody> </table>	Revenue Band	Annual Fee (RM)	<u>Tier 1</u> Less than RM3,000,000	8,000	<u>Tier 2</u> From RM3,000,000 but not exceeding RM15,000,000	20,000	<u>Tier 3</u> From RM15,000,000 but not exceeding RM50,000,000	40,000	<u>Tier 4</u> Equal to or exceeding RM50,000,000	100,000	Annual licensing fee shall be paid latest by the last day of February of each year In circumstances as set out in paragraph 3(d) of these Regulations, the revenue from the same credit business must be combined, and the annual licensing fee must be paid based on the applicable revenue band for the total combined revenue
Revenue Band	Annual Fee (RM)												
<u>Tier 1</u> Less than RM3,000,000	8,000												
<u>Tier 2</u> From RM3,000,000 but not exceeding RM15,000,000	20,000												
<u>Tier 3</u> From RM15,000,000 but not exceeding RM50,000,000	40,000												
<u>Tier 4</u> Equal to or exceeding RM50,000,000	100,000												
4.	Annual registration fee for the subsequent years according to the revenue band stated in the annual fee column to carry on each type of credit service business as set out in paragraph 3 of Schedule 4 of the Act	<table border="1"> <thead> <tr> <th data-bbox="657 1471 916 1599">Revenue Band</th> <th data-bbox="916 1471 1082 1599">Annual Fee (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="657 1599 916 1718"><u>Tier 1</u> Less than RM3,000,000</td> <td data-bbox="916 1599 1082 1718">5,000</td> </tr> <tr> <td data-bbox="657 1718 916 1946"><u>Tier 2</u> From RM3,000,000 but not exceeding RM15,000,000</td> <td data-bbox="916 1718 1082 1946">12,000</td> </tr> </tbody> </table>	Revenue Band	Annual Fee (RM)	<u>Tier 1</u> Less than RM3,000,000	5,000	<u>Tier 2</u> From RM3,000,000 but not exceeding RM15,000,000	12,000	Annual registration fee shall be paid latest by the last day of February of each year In circumstances as set out in paragraph 3(d) of these Regulations, the revenue from the same credit service businesses must be combined, and the annual registration fee				
Revenue Band	Annual Fee (RM)												
<u>Tier 1</u> Less than RM3,000,000	5,000												
<u>Tier 2</u> From RM3,000,000 but not exceeding RM15,000,000	12,000												

(1) No.	(2) Matter	(3) Fee		(4) Manner of Payment
		<u>Tier 3</u> From RM15,000,000 but not exceeding RM50,000,000	25,000	must be paid based on the applicable revenue band for the total combined revenue
		<u>Tier 4</u> Equal to or exceeding RM50,000,000	50,000	

Made 29 May 2026

[MOF.SID(R)700-1/7/15 JLD.2 (3); PN(PU2)778]

DATUK SERI AMIR HAMZAH BIN AZIZAN
Finance Minister II